

CNS4594

U GB 25-07 00176 BA651

BAH

PENULIS ASING PUJI KELANTAN SEBAB ADA TUJUAN, KATA PM

Mahathir - Kelantan

JITRA, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sudah ada penulis asing yang menulis memuji kebaikan kerajaan PAS di Kelantan kerana ada tujuan di sebaliknya.

Beliau berkata, orang asing, terutama akhbar barat, tidak suka kepada fundamentalis Islam tetapi ada yang sudah pergi ke Kelantan dan sanggup pula memberi gambaran bahawa kerajaan PAS di Kelantan ialah sebuah kerajaan yang baik.

+Pihak-pihak di luar negeri ini sebenarnya ingin supaya kita menghadapi masalah dan berpecah-belah seperti yang berlaku kepada negara-negara Yugoslavia, Czechoslovakia dan Soviet Russia,+ kata Perdana Menteri ketika merasmikan Persidangan Agung Perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, kini sudah ada penulis asing yang pergi ke Kelantan dan menulis bahawa kerajaan Islam Kelantan sederhana dan tidak ingin menekan mana-mana pihak.

+Kerajaan Kelantan pula menyambut baik mereka ini walaupun dulu mereka kata majalah ini anti-Islam tetapi sekarang majalah ini tidak anti-Islam lagi kerana memuji mereka. -- Lagi.

▼25/07/14-12MST

CNS4595

U GB 25-07 00120 BA652

BAH

Mahathir - Kelantan 2 Jitra

+Tetapi sebenarnya orang asing ini ingin melihat pertelingkahan orang Islam meningkat,+ katanya.

Beliau berkata, kerajaan PAS sebaliknya berasa mereka mendapat sokongan di luar negeri apabila hendak mengemukakan sesuatu tuntutan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan pusat sebenarnya telah cuba untuk bekerja sama dengan kerajaan PAS di Kelantan tetapi usaha itu bukan mudah kerana mereka masih tidak dapat menerima cara UMNO dan Barisan Nasional sebagai sesuai dengan ajaran Islam.

+Mereka masih tidak mahu membuat pengakuan secara terus terang bahawa UMNO ialah parti yang mendokong Islam,+ kata beliau.

Beliau berkata, fahaman ini tersebar luas di kalangan para penyokong PAS dan orang kampung yang menyokong parti itu. -- Lagi.

▼25/07/14-15MST

CNS4596

U GB 25-07 00135 BA653

BAH

Mahathir - Kelantan 3 Jitra

+Apabila ditanya kepada orang kampung kenapa menyokong orang ini, jawabnya ialah kerana hendakkan Islam. Seolah-olah menerima PAS itu menerima Islam.

+Sebenarnya PAS hanya wujud di Malaysia, apakah ini bermakna secara logiknya di negara lain tidak ada Islam?+ tanyanya.

Perdana Menteri kesal kerana masih ada golongan yang tidak begitu faham ajaran Islam terus menerima parti PAS sebagai Islam.

Beliau berkata, golongan ini sengaja diajar supaya menyamakan parti politik dan agama.

+Sudah tentu mereka yang ada pengetahuan agama tidak menerima dakwaan ini. Sebab itu pihak-pihak di Kelantan ini tidak suka ajaran Islam sebenar diajar atau dikembangkan di kalangan orang yang mempercayai mereka kerana jika rakyat tahu ajaran Islam yang sebenar sudah tentu rakyat akan memisahkan politik dan agama,+ katanya. -- Lagi.

▼25/07/14-17MST

CNS4597

U GB 25-07 00163 BA654

BAH

Mahathir - Kelantan 4 (Akhir) Jitra

Beliau berkata, sebagai parti politik, mereka mempunyai matlamat untuk berkuasa dan mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mengekalkan kuasa walaupun mereka tahu mereka tidak mampu menggunakan kuasa itu untuk kebaikan khususnya bagi orang Islam.

Katanya, golongan ini sebenarnya tidak mahu orang Islam yang tinggal di kampung-kampung diberi pelajaran agama dan jika diberi pelajaran agama, ia adalah ajaran yang telah ditafsirkan orang yang berkepentingan.

+Mereka tidak senang hati melihat apa-apa usaha dibuat pihak lain untuk menjelaskan Islam yang sebenar,+ katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengajak umat Islam supaya balik kepada ajaran Islam yang sebenar dan mengikut ajaran ulama yang tidak mempunyai apa-apa kepentingan.

+Kita bukan tidak percaya kepada ulama. Kita percaya kepada ulama seperti Imam Syafie, Maliki, Hambali tetapi hendak menerima presiden sebuah parti politik sebagai ulama adalah susah walaupun dia seorang yang terpelajar kerana dia ada kepentingan dan menyelewengkan ajaran untuk kepentingan tertentu,+ katanya. -- Bernama.

▼25/07/14-19MST